

LAPORAN PERSIDANGAN

PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA MESYUARAT KEDUA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEDUA BELAS

Tarikh : **2 NOVEMBER 2012 (JUMAAT)**

Masa : **9.30 Pagi**

Tempat : **Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, Pulau Pinang.**

Bil	Nama	Jawatan/Kawasan
1.	Y.B. Dato' Haji Abdul Halim Bin Hussain	Speaker
2.	Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng	Ketua Menteri / Air Putih
3.	Y.B. Dato' Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
4.	Y.B. Dato' Faiza Binti Zulkifli	Penasihat Undang–Undang Negeri
5.	Y.B. Dato' Haji Mokhtar Bin Mohd Jait	Pegawai Kewangan Negeri
6.	Y.B. Dato' Mansor Bin Othman	Timbalan Ketua Menteri I/Penanti
7.	Y.B. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II/ Perai
8.	Y.B. Tuan Chow Kon Yeow	Padang Kota
9.	Y.B. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim	Batu Maung
10.	Y.B. Tuan Lim Hock Seng	Bagan Jermal
11.	Y.B. Tuan Law Heng Kiang	Batu Lancang
12.	Y.B. Tuan Phee Boon Poh	Sungai Puyu
13.	Y.B. Tuan Law Choo Kiang	Bukit Tambun
14.	Y.B. Tuan Wong Hon Wai	Air Itam
15.	Y.B. Dato' Tan Hock Leong	Timbalan Speaker/Machang Bubuk
16.	Y.B. Tuan Maktar Bin Haji Shapee	Sungai Bakap
17.	Y.B. Tuan Tanasekharan A/L Autherapady	Bagan Dalam

Bil	Nama	Jawatan/Kawasan
18.	Y.B. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man	Permatang Pasir
19.	Y.B. Tuan Ng Wei Aik	Komtar
20.	Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
21.	Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
22.	Y.B. Tuan Tan Cheong Heng	Padang Lalang
23.	Y.B. Tuan Ong Chin Wen	Bukit Tengah
24.	Y.B. Tuan Sim Tze Tzin	Pantai Jerejak
25.	Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji	Seri Delima
26.	Y.B. Tuan Koid Teng Guan	Sungai Pinang
27.	Y.B. Tuan Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
28.	Y.B. Tuan Tan Beng Huat	Jawi
29.	Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya	Telok Bahang
30.	Y.B. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid	Telok Ayer Tawar
31.	Y.B. Tuan Syed Amerruddin Bin Dato' Syed Ahmad	Bayan Lepas
32.	Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed	Sungai Dua
33.	Y.B. Dato' Haji Roslan Bin Saidin	Pinang Tunggal
34.	Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah	Seberang Jaya
35.	Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Haji Saad	Pulau Betong
36.	Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria	Sungai Acheh
37.	Y.B. Puan Hajah Zabariah Binti Wahab	Bertam

TIDAK HADIR

1.	Y.B. Puan Ong Kok Fooi	Berapit
2.	Y.B. Tuan Koay Teng Hai	Pulau Tikus
3.	Y.B. Tuan Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga
4.	Y.B. Tuan Ong Khan Lee	Kebun Bunga
5.	Y.B. Tuan Raveentharan A/L V. Subramaniam	Batu Uban
6.	Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim	Penaga
7.	Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahaya	Permatang Berangan

TURUT HADIR

Cik Maheswari a/p Malayandy - Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Setiausaha:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker:

Doa.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

Bacaan "Doa".

Y.B. Dato' Speaker:

Dewan bersidang semula.

Setiausaha:

Rang Undang-Undang Perbekalan Tahun 2013 dan Usul Anggaran Pembangunan Tahun 2013.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Y.B. Dato' Speaker, sebelum Y.A.B. Ketua Menteri membentangkan Rang Undang-Undang saya tak mahu bercakap untuk meminta, saya mendesak Y.A.B. Ketua Menteri supaya meletakkan di atas meja semua Ahli-ahli Yang Berhormat, jawapan untuk lisan dan juga untuk bertulis kerana tidak pernah berlakulah seperti ini sampai beberapa hari pun tak letak-letak lagi.

Y.B. Dato' Speaker:

Okey, maklum.

Setiausaha:

Rang Undang-Undang Perbekalan Tahun 2013.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Y.B. Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang Perbekalan bernama "Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2013 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu dibacakan pada kali yang pertama."

Y.B. Dato' Speaker:

Sokongan.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Y.B. Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

Setiausaha:

Rang Undang-Undang bernama "Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2013 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan tahun itu."

Y.B. Dato' Speaker:

Rang Undang-Undang telah dibaca kali yang pertama.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Y.B. Dato' Speaker, mengikut Peraturan 59 Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang saya mencadangkan bacaan kali yang kedua Rang Undang-Undang ini diteruskan dengan serta merta.

Setiausaha:

Rang Undang-Undang Perbekalan Tahun 2013 bacaan kali yang kedua.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Y.B. Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama "Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2013 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu dibacakan bagi kali yang kedua."

Y.B. Dato' Speaker:

Teruskan ucapan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Y.B. Dato' Speaker, sempena dengan persidangan Dewan yang mulia ini marilah kita sama-sama memanjat kesyukuran di atas kesempatan yang dianugerahkan oleh Tuhan kepada kami anggota Pentadbiran Negeri serta barisan pimpinan yang lain serta dengan keizinanNya juga dapat saya membentangkan Bajet 2013 Pulau Pinang di Dewan yang mulia ini. Saya bagi pihak kepimpinan Negeri dan semua penjawat Negeri Pulau Pinang ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang di atas segala pandangan dan nasihat yang diberikan kepada kita bagi memajukan Negeri Pulau Pinang yang kita cintai ini. Kami kepimpinan Negeri dan seluruh rakyat Negeri Pulau Pinang mendoakan agar Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan sentiasa diberikan kesejahteraan, dipanjangkan umur dan mendapat keberkatan dan kerahmatan moga terus menerajui Negeri Pulau Pinang. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidiladha kepada semua Ahli Yang Berhormat dan hadirin beragama Islam yang baru sahaja meraikannya pada 26 Oktober 2012 yang lalu, tidak lupa juga untuk saya mengucapkan Selamat Hari Deepavali kepada semua penganut agama Hindu yang akan merayakannya pada 13 November 2012 nanti.

Y.B. Dato' Speaker, kita amat bersyukur kerana rancangan, projek dan program Kerajaan Negeri yang akan dilaksanakan telah berjalan lancar dan dimanfaatkan oleh rakyat Negeri Pulau Pinang walaupun pelbagai rintangan, cabaran dan sekatan perlu diharungi. Kejayaan ini berkat sokongan padu yang diberi oleh rakyat kepada Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat sejak mula mentadbir, yang menjadi sumber kekuatan kepada Kerajaan Negeri untuk melipatgandakan lagi usaha dalam meneruskan pembelaan bagi menjamin kesejahteraan rakyat.

Pembentangan Bajet 2013 ini merupakan kali kelima dan terakhir yang dibentangkan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat sebelum kita menghadapi Pilihan Raya Umum Ketiga Belas. Sebagai sebuah Kerajaan yang prihatin terhadap kebijakan dan kesejahteraan rakyatnya, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dengan penuh keikhlasan bertekad untuk meneruskan agenda dan strategi pembangunan untuk Negeri Pulau Pinang demi membina masa depan yang lebih cerah dan makmur untuk segenap lapisan masyarakat. Lantaran itu, Bajet 2013 adalah bertemakan Agenda Ekonomi Saksama (AES) menfokuskan kepada strategi untuk mengurangkan ketidaksamaan agar ia dapat menggerakkan pertumbuhan ekonomi negeri dan menjana pendapatan untuk membolehkan pengagihan yang lebih saksama dan adil kepada rakyat dan sekali gus meningkatkan taraf dan kualiti kehidupan kepada semua lapisan rakyat Pulau Pinang keseluruhannya baik kaya dan miskin tanpa mengira kaum, agama dan jantina.

Prinsip asas Cekap, Akauntabiliti dan Telus (CAT) yang menjadi pegangan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat adalah penyumbang kepada kejayaan yang dikecapi oleh Pulau Pinang hari ini. Selain daripada menerapkan budaya kerja berprestasi tinggi dan berkemahiran dalam tadbir urus dan pengurusan kewangan yang cekap dan berhemat selama ini, Pulau Pinang kini turut menjadi pilihan para pelabur dan penggiat industri di peringkat global.

Kerajaan Negeri sememangnya komited ke arah menjadikan Pulau Pinang sebuah Negeri bertaraf antarabangsa yang berpendapatan tinggi (*high income economy*) meskipun dalam persekitaran global yang tidak menentu dan mencabar. Kerajaan Negeri yakin untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai Bandar Raya Pintar dan Antarabangsa dapat dicapai melalui pembangunan yang dirancang yang dapat menarik modal insan serta menyediakan dasar-dasar berjiwa rakyat yang mentransformasikan Pulau Pinang kepada sebuah ekonomi yang maju dan mampan. Pembangunan akan diteruskan dengan penekanan kepada pelbagai sektor ekonomi dan juga penglibatan semua pihak daripada rakyat jelata Pulau Pinang. Bagi menyokong perkara tersebut, Kerajaan Negeri akan menyediakan peruntukan pembangunan secara langsung berjumlah RM363.39 juta pada tahun 2013. Bagi pelaksanaan projek-projek pembangunan di seluruh Pulau Pinang. Peruntukan yang disediakan ini melibatkan pertambahan sebanyak 9.15% berbanding peruntukan tahun 2012.

Yang Berhormat Dato' Speaker, kejayaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang menjalankan urustadbir berintegriti berteraskan prinsip CAT, menyatupadukan rakyat, memastikan keselamatan awam dengan memerangi jenayah serta wujudnya modal insan terlatih merupakan faktor kejayaan Pulau Pinang menjadi jaguh pelaburan untuk dua tahun berturut-turut pada 2010 dan 2011. Bagi menggalakkan pelaburan baru, Kerajaan Negeri telah mempelbagaikan aktiviti galakan untuk sektor-sektor baru yang berpotensi iaitu industri elektronik, termasuk diod pemancar cahaya (LED), avionik - aeroangkasa, fotovoltaik - suria dan semikonduktor, peralatan perubatan dan bioteknologi.

Tumpuan terhadap pembangunan IKS tempatan tidak pernah diabaikan. Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif dengan menubuhkan Pusat Penasihat Pasaran, Sumber dan Latihan IKS (SMART Centre), Pusat IKS (SME Centre) dan Perkampungan IKS (SME Village) untuk memacu pembangunan IKS. Pembinaan SME Centre di Bayan Lepas dengan ruang sewa seluas 129, 481 kaki persegi telah berjaya disiapkan pada bulan Jun 2012. SME Village yang dibangunkan di Batu Kawan bermatlamat untuk menempatkan IKS secara berkelompok bagi membolehkan syarikat-syarikat IKS mengembangkan perniagaan dan memajukan perniagaan sendiri.

Sektor pelancongan adalah sektor ekonomi kedua terpenting kepada Negeri Pulau Pinang. Pengiktirafan Pulau Pinang sebagai '*Eighth Most Liveable City in Asia*' oleh ECA International pada tahun 2008 hingga 2012 dan paling sesuai diduduki di Malaysia serta *8 Top Islands in the world You Must Explore Before You Die* oleh Yahoo Travel telah meletakkan Pulau Pinang sebaris dengan destinasi pelancongan utama di rantau Asia. Beberapa kawasan di Daerah Seberang Perai yang mempunyai banyak lokasi pelancongan menarik dan berpotensi untuk dimajukan sebagai destinasi pelancongan baru telah dikenal pasti. Pertambahan kemasukan pelancong ke Seberang Perai mampu meningkatkan kadar *occupancy* kepada hotel-hotel di Seberang Perai serta *homestay* yang kini semakin berkembang. Projek eko-pelancongan khususnya di Juru Auto City, projek makanan laut di Jeti Batu Kawan dan Projek Galeri Warisan Arkeologi Guar Kepah di Penaga diyakini sebagai destinasi utama pelancong.

Sabtu tahun Pulau Pinang menjadi destinasi penganjuran acara-acara kebudayaan nasional dan antarabangsa. Untuk itu, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sebanyak RM8.27 juta bagi tahun 2013 untuk menyokong penganjuran acara-acara kebudayaan dan tarikan pelancongan di peringkat tempatan dan antarabangsa. Malahan, pembinaan projek *subterranean Penang International Convention and Exhibition* (sPICE) di PISA bernilai RM300 juga yang dijangka siap pada 2015 bakal mempromosikan *Meetings, Incentives, Conventions and Exhibitions* (MICE) kepada masyarakat antarabangsa.

Sektor pelancongan warisan juga menjadi salah satu agenda Kerajaan Negeri di dalam memacu pertumbuhan ekonomi negeri. Pengiktirafan George Town sebagai Tapak Warisan Dunia oleh UNESCO telah mempromosikan Pulau Pinang. Justeru, Kerajaan Negeri akan menyediakan peruntukan berjumlah RM6.10 juta bagi tahun 2013 kepada George Town World Heritage Incorporated (GTWHI) untuk terus memainkan peranan menguruskan dan mempromosikan warisan negeri ini kepada pelancong tempatan dan asing.

Bagi merealisasikan warisan ini, Kerajaan Negeri kini dalam proses menyediakan Rancangan Khas Kawasan untuk memulihara, menaik taraf dan melindungi Kawasan Warisan Dunia George Town, Taman Botani dan Bukit Bendera yang melibatkan rundingan awam. Kerajaan Negeri juga telah mengumumkan rundingan awam untuk membangunkan KOMTAR Fasa 5 sebagai Penang Heritage Square dengan menubuhkan taman awam yang baru, dataran awam dan pusat kesenian dan budaya.

Kejayaan Negeri Pulau Pinang sekali lagi bakal terserlah apabila menjadi tuan rumah kepada Persidangan Ekopelancongan Asia Pasifik (APEC 2012) yang dijadual berlangsung pada 28 hingga 30 November di

Hotel Eastin. Pembinaan Escape Theme Park di Telok Bahang sebanyak RM200 juta yang akan siap fasa 1 pada bulan ini akan menjadi tarikan pelancong yang baru.

Y.B. Dato' Speaker, selepas empat (4) tahun, Taman Perindustrian Halal Pulau Pinang (TPHPP) telah menerima 10 pelaburan daripada syarikat tempatan dan antarabangsa dengan nilai pelaburan bernilai RM484 juta merangkumi 54.09 ekar tanah industri. Kilang gelatin Halal yang pertama di Malaysia akan dibangunkan di zon Farmaseutikal, TPHPP dan akan memulakan pembinaannya awal tahun 2013. Dijangkakan kilang ini berupaya menghasilkan kapasiti pengeluaran gelatin halal sebanyak 2,000 hingga 3,000 tan metrik setahun melalui penggunaan mesin berteknologi tinggi.

Bagi mempertingkatkan bilangan syarikat berstatus halal, Halal Penang dan Bahagian Pengurusan Halal, Jabatan Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) telah bergiat lebih pro-aktif bagi mempromosikan lebih banyak *outlet* makanan di Pulau Pinang untuk mendapatkan pensijilan halal, di samping memantau restoran makanan yang menyalahgunakan logo halal JAKIM. Melalui gandingan usaha ini, 11 buah *francais outlet* Subway dan 16 buah *francais outlet* Old Town White Coffee di Pulau Pinang telah berjaya mendapat pengiktirafan status Halal JAKIM. Hasil usaha promosi yang agresif oleh Halal Penang juga telah berjaya meningkatkan jumlah syarikat berstatus halal di Pulau Pinang sebagai 605% iaitu dari hanya 55 buah syarikat pada tahun 2008 kepada 388 buah syarikat pada tahun 2012.

Bagi mempromosikan sektor pelancongan halal di Pulau Pinang, Halal Penang dengan kerjasama *Penang Global Tourism* telah menerbitkan sebanyak 10,000 salinan *Experience Penang -Muslim Travel Guide* pada bulan Februari 2012. Direktori ini juga bakal diterbitkan dalam versi Bahasa Arab telah diedarkan di beberapa lokasi strategik yang menjadi tumpuan pelancong. Satu pencapaian lagi yang membanggakan adalah penganjuran Penang International Halal Exposition and Conference (PIHEC) selama 3 tahun berturut-turut sejak Tahun 2010 dan disenaraikan sebagai ekspos halal tahunan utama di rantau IMT-GT. Bagi Tahun 2012, penyertaan dari pemamer merekodkan pencapaian yang memberangsangkan dengan peningkatan penyertaan sebanyak 161 syarikat dan agensi Kerajaan serta penglibatan syarikat-syarikat antarabangsa daripada Iran, Indonesia, Belgium, Taiwan dan New Zealand. Malahan PIHEC 2012 telah berjaya menarik lebih daripada 50,000 penghujung.

Y.B. Dato' Speaker, Kerajaan Negeri amat komited dalam memastikan infrastruktur jalan raya di Negeri Pulau Pinang setaraf dengan Negara-Negara maju. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah mempelawa syarikat-syarikat yang berpengalaman untuk menyertai *Request for Proposal* (RFP) bagi projek

infrastruktur jalan raya dan terowong bawah laut sebagai *bypass* dan *ring road* yang dianggarkan melibatkan kos antara RM5 bilion hingga RM8 bilion. Proses para kelayakan untuk menyertai RFP ini telah pun selesai pada 14 Januari 2012 dan 8 buah syarikat yang layak telah diberi tempoh sehingga 15 Oktober 2012 untuk menyediakan reka bentuk dan kertas cadangan projek-projek mega ini mampu menyelesaikan kesesakan lalu lintas di Bandar George Town dan dalam masa yang sama memacu pembangunan ekonomi negeri. Pengurusan aset jalan negeri juga diberi penekanan supaya ianya dapat diselenggara dengan baik demi kemudahan dan keselesaan pengguna memandangkan peruntukan penyelenggaraan sedia ada sangat terhad. Bagi tahun 2013, sebanyak RM41.60 juta diperuntukkan kepada JKR untuk menaik taraf dan membaharumuka jalan-jalan Kerajaan Negeri, dan menambah baik kemudahan-kemudahan infrastruktur lain di Negeri.

Adalah diharapkan Projek Menaik Taraf Terminal Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang bernilai RM250 juta boleh siap pada 24 November 2012 seperti yang dijadualkan bagi menampung kapasiti 5 juta penumpang. Memandangkan prestasi yang kurang memuaskan, pelabuhan Pulau Pinang harus dikembalikan status pelabuhan bebas demi memulihkan kegemilangan lampau. Pelabuhan Pulau Pinang telah menerima lebih daripada 1,734 buah kapal persiaran dan feri penumpang di Swettenham Pier Cruise Terminal pada tahun 2011. Kerajaan Negeri akan terus memohon kepada Kerajaan Persekutuan untuk menangguhkan penswastaan sehingga pengorekan dasar laut dijalankan dengan kos RM353 juta. Suatu rundingan serta tender terbuka dijalankan. Ini adalah pendirian yang harus disokong oleh semua rakyat Pulau Pinang kerana Kerajaan Negeri difahamkan Penang Port Sdn. Bhd., turut menentang formula penswastaan yang diumumkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Tan Sri Syed Mokhtar Al Bukhary.

Y.B. Dato' Speaker, sebagai usaha Kerajaan untuk memperbaiki mutu perkhidmatan pengangkutan awam di Pulau Pinang, Rapid Penang telah dijanjikan tambahan 200 buah bas yang memberi perkhidmatan di bahagian Pulau dan Seberang Perai. Malangnya tambahan 200 buah bas yang diumumkan masih belum ditepati. Ia difahamkan hanya akan tiba secara berperingkat sehingga tahun 2015 di mana lapan (8) buah bas dijangka akan tiba di Pulau Pinang pada Disember tahun ini.

Lanjutan daripada kejayaan Kerajaan Negeri menyediakan Perkhidmatan *Bridge Express Shuttle Transit* (BEST) yang merupakan perkhidmatan *shuttle* secara percuma antara Sunway Carnival Mall Seberang Jaya dengan kawasan perindustrian Bayan Lepas pada bulan Mac 2011 Kerajaan Negeri kini mengorak langkah dengan memperluaskan perkhidmatan percuma *park and ride* meliputi bandar PERDA di Bukit Mertajam dan Autocity di Juru merentasi Jambatan Pulau Pinang ke Bayan Lepas mulai 3 September

2012. Ini melibatkan tambahan empat (4) lagi buah bas Rapid Penang daripada jumlah sedia ada sebanyak 16 buah bas dengan perbelanjaan berjumlah RM184,008 sebulan. *Bas Center Area Transit* (CAT) menawarkan perkhidmatan bas percuma dalam kawasan warisan Komtar masih diteruskan dengan kos RM50,000 sebulan.

Kerajaan Negeri juga memperkenalkan konsep BEST KOMTAR yang dikhaskan kepada penjawat awam yang bekerja di KOMTAR. Perkhidmatan ini akan dijalankan secara percubaan selama tiga bulan mulai 1 November 2012 sehingga 31 Januari 2013, menggunakan dua buah bas Plusliner dengan melibatkan kos berjumlah RM50,000.00. Kerajaan Negeri dalam usaha untuk mengatasi kesesakan trafik telah menawarkan RM10 juta setahun kepada Rapid Penang untuk menjalankan perkhidmatan bas percuma di seluruh Pulau Pinang pada waktu puncak, Isnin dan Jumaat akan tetapi Kerajaan Negeri masih belum mendapat sebarang jawapan positif selepas 18 bulan.

Kajian Pelan Induk Pengangkutan Negeri Pulau Pinang telah dibentangkan kepada Kerajaan Negeri dan masih di peringkat perbincangan dengan pakar runding pada bulan Oktober. Kerajaan Negeri merasa bangga dengan inisiatif berbasikal yang dimulakan oleh Kerajaan Negeri kini mendapat perhatian seluruh Negara malahan pelbagai pihak kini aktif melaksanakan sukan berbasikal. Kerajaan Negeri telah mengorak langkah ke hadapan dengan menyediakan lorong-lorong basikal sama ada berasingan atau berkongsi dengan kenderaan bermotor. Sepanjang laluan yang telah disediakan ialah 81 km. Usaha ini merupakan salah satu komponen dalam strategi menyeluruh untuk menambahkan sistem lalu lintas dan pengangkutan Negeri ini. Sehingga kini pelbagai infrastruktur dan kemudahan telah disediakan oleh MPPP dengan penglibatan pihak swasta seperti menyediakan rak dan tempat mengunci basikal di perhentian bas Taman Belia.

Y.B. Dato' Speaker, mengenai kemudahan utiliti. Projek Pembesaran Empangan Mengkuang di Bukit Mertajam dengan kos sebanyak RM1.2 bilion adalah kini dalam pelaksanaan sehingga 26 Ogos 2012, kemajuan pelaksanaan projek adalah 9% di jangka siap pada 31 Julai 2016. Bagi menjamin sumber bekalan air mentah yang mencukupi untuk jangka masa panjang Kerajaan Negeri bercadang untuk mendapatkan bekalan air mentah melalui Projek Skim Bekalan Air Mentah dari Sungai Perak, Negeri Perak ke Negeri Pulau Pinang. Projek ini melibatkan pembinaan terowong yang bertujuan untuk mengagihkan sebahagian air mentah dari Sungai Perak ke Sungai Kerian dan seterusnya ke Negeri Pulau Pinang.

Kos projek dianggarkan bernilai RM300 juta dan ianya telah dipohon melalui Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air kepada Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri pada 30 Jun 2012 di bawah *Rolling Plan*

ketiga Rancangan Malaysia Kesepuluh. Kerajaan Persekutuan perlu menjalankan projek ini sebagai tanggungjawab mereka dalam perjanjian penstrukturkan aset air yang ditandatangani dengan Kerajaan Negeri.

Mengenai sektor pertanian, Kerajaan Negeri mensasarkan pengeluaran padi sebanyak 6.5 tan metrik per hektar pada tahun 2013. Penekanan diberikan pada usaha-usaha menggalakkan pembangunan ladang dengan mempromosikan dan mengamalkan teknologi yang spesifik atau secara pakej amalan pengurusan terbaik (*best management practices*) untuk meningkatkan produktiviti tanaman. Bagi mengeluarkan hasil dengan lebih berkualiti dan mampu menembusi pasaran, Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang telah menukuhan empat (4) Zon Pemprosesan Makanan (ZPM) iaitu:

- Zon Pemprosesan Makanan Telok Air Tawar, SPU empat (4) unit;
- Zon Pemprosesan Makanan Bukit Merah SPT lima (5) unit;
- Zon Pemprosesan Makanan Relau, Daerah Timur Laut tiga (3) unit; dan
- Zon Pemprosesan Makanan Genting, Barat Daya lima (5) unit dalam proses pembinaan.

Fokus kepada menjana peningkatan produktiviti pengeluaran hasil ternakan yang diusahakan melalui peningkatan kualiti pengurusan ladang melalui Amalan Perladangan Baik (GAHP), pengiktirafan ladang melalui Skim Akreditasi Ladang Ternakan (SALT), serta Amalan Baik Kebersihan Veterinar (GVHP) bagi produk Industri Asas Tani telah dipertingkatkan. Ini ternyata bagi aspek pengeluaran ladang Nilai Hasil Ternakan (NHT) Negeri Pulau Pinang telah mengekalkan pencapaian melebihi RM700 juta setiap tahun dari 2008 sehingga 2011. Bagi memastikan sumbangan sektor pertanian kepada KDNK meningkat, Kerajaan Negeri akan menyediakan peruntukan berjumlah RM7.18 juta bagi tahun 2013.

Mengenai pembangunan modal insan memang diakui bahawa pembinaan modal insan bukan sahaja penanda kekayaan sebenar tapi asas kemajuan ekonomi sesebuah Negara. Kerajaan Negeri telah melabur dalam modal insan dengan menarik institusi pengajian tinggi yang terkemuka seperti International Women's Development Agent yang dipimpin oleh Universiti Wanita Terunggul Amerika Syarikat iaitu Smith College di tapak tanah Kerajaan Negeri seluas 100 ekar di Pondok Upah.

Majlis Sains Negeri Pulau Pinang akan juga terus membantu usaha memperkasakan Pulau Pinang sebagai Pusat Cemerlang Sains dan Teknologi. Projek *Penang Tech Center* yang bermatlamat mewujudkan penyertaan dalam bidang sains dan teknologi serta penglibatan sektor industri dan perusahaan

swasta telah dirancang semula untuk dibina pada tahun hadapan di *Geodesic Dome* atau dewan Tunku KOMTAR dengan harga RM20 juta atas tapak keluasan 18,000 kaki persegi. Selain daripada itu, *Penang Learning Centre* dan *Penang Badminton Academy* bernilai 4 juta akan dibangunkan di Kampung Buah Pala. Hasil sumbangan Yayasan ECM Libra projek tersebut bakal melengkapkan sebuah perpustakaan, tujuh (7) kelas bahasa dan tuisyen, enam (6) hingga lapan (8) gelanggang badminton serta kantin untuk kemudahan generasi muda. Ia berhasrat untuk membina bakal jaguh badminton dunia dan memberikan pengajar tuisyen kepada pelajar daif ataupun yang lemah dalam pelajaran. Kerajaan Negeri juga tetap akan memperuntukkan sebanyak RM12 juta yang telah diberikan sebelum ini kepada Sekolah-sekolah Bantuan Modal termasuk Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Cina, Sekolah Tamil dan Sekolah Mualigh dan juga Sekolah Persendirian Cina dan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan.

Mengenai alam sekitar Y.B. Dato', kejayaan mentransformasikan Pulau Pinang kepada sebuah Negeri yang bersih, hijau, selamat dan sihat sememangnya diakui apabila usaha-usaha ini membolehkan George Town dipilih sebagai *most liveable city* atau bandar paling sesuai didiami di Malaysia untuk *expatriate* pada 2011 dan diulangi pada 2012 oleh ECA International.

Melalui program Hari Tanpa Beg Plastik Percuma, sebanyak 33 juta beg plastik telah dapat dijimatkan oleh pengusaha pasar raya. Bagi meneruskan usaha menjadi Negeri hijau yang pertama di Malaysia, Kerajaan Negeri juga telah memperkenalkan program sekolah hijau bagi menggalakkan penglibatan pelajar dalam pemuliharaan alam sekitar dengan pemberian insentif sebanyak RM300.00 bagi pelaksanaan aktiviti yang kreatif dan inovasi. Pulau Pinang telah mencapai sasaran kitar semula sebanyak 24% pada 2011 sedangkan sasaran Malaysia adalah 20% pada 2000 dan sungguhpun kita telah melebihi sasaran ini sekarang Kerajaan Negeri akan terus berusaha meningkatkannya lagi termasuk usaha mempertingkatkan kebersihan tandas.

Bagi memastikan pengurusan sisa pepejal di Pulau Burung diuruskan dengan lebih berkesan, Kerajaan Negeri telah melantik Syarikat PLB Terang Sdn. Bhd. dengan kontrak selama 20 tahun. Syarikat ini dipilih berdasarkan tender terbuka berdaya saing dengan tawaran harga terendah, mutu perkhidmatan dan kemudahan yang terbaik yang bersesuaian dengan kehendak Kerajaan Negeri untuk melaksanakan operasi dan menyelenggara tapak pelupusan sisa pepejal di tapak sedia ada. Membina sebuah tapak sisa pepejal tambahan yang bertaraf empat (4) menyediakan logi rawatan *leachate* bagi merawat *leachate* daripada sisa pepejal serta menyediakan *Material Recovery Facility* (MRF) atau material *recovery facility* sekiranya didapat sesuai dan perlu.

Tapak pelupusan sampah Jelutong yang telah beroperasi sejak tahun 1992 akan berakhir apabila ianya dibangunkan kelak sebagai sebuah taman dengan pembangunan bercampur. Perlu diingatkan bahawa kos tawaran tender terbuka yang dianggarkan sebanyak RM294 juta untuk tempoh 20 tahun adalah jauh lebih rendah daripada kos pembayaran di bawah sistem pemerintahan Barisan Nasional bersifat kroni. Sekiranya kadar BN digunakan maka kos akan melambung ke RM536 juta iaitu RM242 juta lebih tinggi daripada kos tender terbuka sebanyak RM294 juta.

Kerajaan Negeri juga telah mengambil inisiatif melaksanakan program Pulau Pinang Bebas Asap Rokok untuk menyegarkan kesedaran dan pengetahuan masyarakat mengenai kesan perokok pasif melalui aktiviti promosi dan advokasi. Sebagai permulaan enam kawasan dikenal pasti untuk diwartakan sebagai zon bebas asap rokok iaitu Taman Perbandaran Jalan Utama, Taman Botani, Empangan Air Itam, Empangan Telok Bahang, Taman Bandar Ampang Jajar dan Empangan Mengkuang.

Pusat Dialisis CAT yang hanya mengenakan bayaran rawatan RM30.00 untuk pesakit buah pinggang telah dibangunkan oleh Kerajaan Negeri di Kompleks Pasar Awam Balik Pulau dan akan mula beroperasi pada Januari 2013. Pusat Dialisis CAT kedua di Seberang Jaya dijangka siap pada bulan Mei 2013. Kerajaan Negeri akan menyediakan RM2 juta untuk operasi pusat dialisis pada tahun 2013.

Dalam mengejar kemajuan bagi memastikan Pulau Pinang sentiasa ke hadapan (*Penang Leads*), Kerajaan Negeri sentiasa mengutamakan kebajikan dan kesejahteraan rakyat. Program-program kebajikan tahunan seperti Program Penghargaan RM100.00 Warga Emas, Program Penghargaan Ibu Tunggal, Program Bantuan Orang Kurang Upaya (OKU), RM200.00 untuk Program Anak Emas, Program Pelajar Emas, bantuan *one-off* IPTA Emas sebanyak RM1,000.00 serta sumbangan pengurusan jenazah kepada waris warga emas sudah terkenal di seluruh Malaysia dan sinonim dengan rakyat Pulau Pinang.

Kejayaan Pulau Pinang menjadi Negeri pertama bebas dari miskin tegar di Malaysia dengan memastikan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) dinaikkan daripada RM500.00 sebulan kepada RM600.00 sebulan setiap keluarga membuktikan keberkesanan dasar *Pro-Poor* yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri mulai tahun 2009. Namun demikian, Kerajaan Negeri mempunyai hasrat untuk membasmi kemiskinan sama sekali. Menurut laporan IKMAS (Institute of Malaysia and International Studies, UKM) pada tahun 2011, garis kemiskinan (*Poverty Line Indicator*) bagi Semenanjung Malaysia merupakan RM763.00 sebulan. Garis kemiskinan ini merupakan tahap pendapatan yang diperlukan untuk menikmati taraf kehidupan yang paling

minimum. Berdasarkan garis kemiskinan RM763.00 ini, kadar kemiskinan di Pulau Pinang pada tahun 2007 dan 2009 merupakan 1.4% dan 1.2% masing-masing.

Justeru, sebagai bukti kukuh komitmen untuk memelihara kebijakan rakyat dan memastikan bahawa Pulau Pinang akan menjadi Negeri pertama di Malaysia untuk membasmi kemiskinan sama sekali, Kerajaan Negeri telah menyatakan hasrat untuk melakukannya menjelang tahun 2015. Hari ini saya hendak membuat satu pengumuman yang bersejarah iaitu Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat mengambil kira keperluan untuk menjaga golongan bawah, kita akan awalkan tempoh ini, iaitu bukan 2015, bukan 2015 Pulau Pinang akan membasmi kemiskinan tetapi tahun hadapan Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan basmi kemiskinan.

Usaha-usaha ini akan dijalankan dengan menaikkan pendapatan minimum bulanan bagi setiap isi rumah di Pualu Pinang daripada RM600.00 sebulan sekarang kepada RM770.00, ini adalah melebihi garis kemiskinan yang ditetapkan pada tahap RM770.00 sebulan. Ini bermaksud bahawa sekiranya terdapat mana-mana isi rumah yang mempunyai pendapatan kurang daripada RM770.00 sebulan, maka Kerajaan Negeri akan menambah nilai atau *top up* bakinya untuk mencukupi RM770.00. Ini macam *touch & Go top up*, tetapi Kerajaan Negeri akan *top up*. Program ini dijangka akan membabitkan sebanyak RM20 juta setahun. Dengan ini, Pulau Pinang akan menjadi Negeri pertama untuk mencapai taraf Miskin Sifar, Rasuah Sifar, Pengangguran Sifar dan pada suatu hari nanti Hutang Sifar.

Berdasarkan rekod i-Sejahtera, jumlah keseluruhan warga emas yang berdaftar telah meningkat kepada 146,324 orang berbanding 126,107 orang pada tahun 2011. Malahan pendaftaran Program Bantuan Ibu Tunggal juga menunjukkan reaksi positif masyarakat dengan mencatatkan jumlah seramai 7,789 orang berdaftar pada tahun 2012 berbanding 4,323 orang pada tahun 2011. Peningkatan jumlah ini juga membuktikan kejayaan program kebijakan yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri. Sehingga kini, seramai 8,993 orang telah menerima bantuan RM1,000.00 kepada waris yang menguruskan jenazah warga emas yang meninggal dunia. Kerajaan Negeri berhasrat untuk memperkembangkan pemberian sumbangan ini kepada waris ibu tunggal dan OKU. Untuk tahun 2013, sejumlah RM60 juta disediakan untuk pelaksanaan program-program sosial dan kebijakan yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri untuk tahun hadapan Pulau Pinang akan menjadi Negeri pertama mencapai taraf kemiskinan sifar, pengangguran sifar, hutang sifar kelak dengan rasuah sifar.

Yang Berhormat selaras dengan hasrat untuk menjadikan masjid sebagai sebuah institusi pelbagai aktiviti kemasyarakatan, peruntukan sebanyak RM13.84 juta telah disediakan untuk tahun 2013 meliputi pembangunan masjid, surau dan Sekolah Agama Rakyat (SAR). Bagi tahun 2013, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan untuk meneruskan pembinaan masjid baru yang mengambil kira prasarana mesra OKU, iaitu di Masjid Jamek Sungai Gelugor, Daerah Timur Laut dan Masjid Jamek Tasek Gelugor, Seberang Perai Utara. Pembinaan masjid yang mengambil kira prasarana seumpama ini telah pun dilaksanakan di Masjid Abdullah Fahim, Seberang Perai Utara dan Masjid Kelawai, Daerah Timur Laut. Keseluruhan peruntukan untuk tujuan keagamaan pada tahun hadapan adalah RM46.42 juta.

Kerajaan Negeri sememangnya memberi perhatian serius kepada keperluan sektor perumahan. Khususnya, tanggungjawab untuk menyediakan perumahan mampu milik yang selamat, kondusif dan selesa adalah menjadi agenda utama Kerajaan Negeri. Bagi tujuan ini, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM500 juta untuk tempoh lima (5) tahun bagi merealisasikan Skim Perumahan Mampu Milik tersebut. Di bawah Fasa 1, PDC memperuntukkan kawasan seluas 200 ekar di Batu Kawan yang melibatkan pembinaan 11,800 unit *apartment*. Kerajaan Negeri telah melantik HDB Singapura, iaitu pembina rumah mampu milik yang terbaik, bagi memastikan rumah mampu milik di Batu Kawan adalah yang paling berkualiti di Malaysia. Di bawah Fasa 2, Kerajaan Negeri, MPPP dan MPSP memperuntukkan tanah MPPP dan tanah MPSP seluas 49 ekar di empat (4) daerah, iaitu dua puluh sembilan (29) ekar di Daerah Timur Laut dan enam (6) ekar di Daerah Barat Daya. Keempat-empat tapak ini akan melibatkan pembinaan 6,000 unit rumah mampu milik.

Mengenai projek perumahan rakyat di Desa Wawasan mempunyai 433 unit rumah di Sungai Rambai, Bukit Mertajam dihuni, manakala 479 unit selebihnya masih kosong. Kerajaan Negeri baru-baru ini telah pun mengadakan temu duga bagi 39 permohonan yang diterima untuk sewaan di PPR Desa Wawasan. Hanya 22 pemohon yang hadir untuk temu duga dan daripadanya 17 telah berjaya dan akan ditawarkan unit-unit rumah untuk sewaan. Sewaan yang dikenakan termasuk kos penyelenggaraan adalah sebanyak RM100.00 sebulan. Bagi unit-unit rumah yang akan disewa, Kerajaan Negeri dalam tindakan melaksanakan kerja-kerja pembaikan dan pemasangan *grill* dengan kos berjumlah RM195,000.00 untuk 30 unit rumah terlibat. Kerja-kerja pembaikan akan dilaksanakan apabila perlu ke atas unit-unit yang akan disewakan bagi mengelak vandalisme. Masalah ini telah wujud sebelum 2008, tetapi Kerajaan Negeri akan terus berusaha untuk mengatasi masalah tersebut.

Program Bantuan Perumahan Pulau Pinang atau *Housing Assistance Programme of Penang, Yes!* (HAPPY!) dengan dana sebanyak RM50 juta diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri untuk menampung Program Kerajaan Persekutuan. Seperti yang saya maklumkan Peruntukan HAPPY! diwujudkan untuk menampung Program Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia yang memperuntukkan kos pembaikan sebanyak 90% bagi rumah kos rendah dan 70% bagi rumah kos sederhana rendah swasta. Manakala, baki selebihnya sebanyak 10% untuk rumah pangsa kos rendah dan 30% untuk rumah pangsa kos sederhana rendah adalah ditanggung oleh penduduk atau penghuni. Untuk menyara penyelenggaraan atau program Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia kerana banyak rumah pangsa swasta tidak dapat memohon jumlah ini kerana mereka tidak mampu mengeluarkan bagi 10% atau 30%, Kerajaan Negeri melalui HAPPY! akan menampung baki 10% dan 30% tersebut.

Kerajaan Negeri percaya bahawa program HAPPY! ini mampu menjayakan program penyelenggaraan, pembaikan dan menaik taraf infrastruktur rumah pangsa kos rendah dan kos sederhana rendah di seluruh Negeri Pulau Pinang. Justeru itu, ianya mampu meningkat kualiti kehidupan yang lebih selesa kepada rakyat secara keseluruhannya. Kerajaan Negeri pada tahun 2013 juga akan meneruskan dengan pembentangan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan infrastruktur asas bagi projek-projek perumahan awam yang dibina dan diuruskan oleh Kerajaan Negeri. Bagi tujuan ini, peruntukan berjumlah RM12.46 juta disediakan.

Y.B. Dato' Speaker, mengenai Pembangunan Belia dan Sukan. Kejayaan mencapai kedudukan di tangga keenam di Sukan Malaysia XV di Pahang 2012 pada tahun ini dan juga Sukan Malaysia XIV Kuala Lumpur 2011 yang lalu. Kerajaan Negeri terus memastikan program-program pengukuhan serta pemantapan kontinjen Negeri dijalankan secara menyeluruh bagi memartabatkan sukan Negeri ke tahap yang lebih cemerlang. Keseluruhan peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk memantapkan prasarana dan budaya kesukuan dalam tahun 2013 telah bertambah RM1 juta kepada RM7.67 juta manakala peruntukan yang disediakan untuk aktiviti belia juga bertambah kepada RM752,000. Pada masa yang sama sebagai suatu suntikan sihat untuk golongan belia, suatu peruntukan khas sebanyak RM5 juta akan diberikan untuk membina gelanggang futsal di seluruh Pulau Pinang.

Y.B. Dato' Speaker, bagi membangunkan kontraktor-kontraktor Kelas F, Kerajaan Negeri telah menubuhkan Majlis Rundingan Kontraktor Kelas F yang berperanan menyediakan platform sebagai meja rundingan secara dua hala di antara jabatan/agensi Kerajaan dan kontraktor Kelas F. Antara usaha yang telah dilakukan ialah mengadakan bengkel-bengkel dan latihan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kontraktor Kelas F khususnya dalam kerja-kerja konservasi warisan. Berdasarkan rekod sistem e-Perolehan,

penawaran projek kepada kontraktor-kontraktor Kelas F adalah meningkat mengikut tahun seiring dengan pertambahan peruntukan pembangunan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri. Pada tahun 2012, nilai kerja projek pembangunan negeri yang telah ditawarkan kepada kontraktor Kelas F adalah sebanyak RM38.5 juta iaitu peningkatan sebanyak RM26.8 juta berbanding tahun 2009. Tahun 2011 juga telah mencatat peningkatan ketara di mana nilai projek berjumlah RM67.9 juta keseluruhannya telah ditawarkan oleh jabatan/agensi Negeri kepada Kontraktor Kelas F sahaja. Sehingga September 2012, nilai projek yang telah ditawarkan kepada Kontraktor Kelas F adalah berjumlah RM57.02 juta.

Y.B. Dato' Speaker, Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) yang telah dimulakan pada tahun 2009 telah berjaya memanfaatkan 792 peminjam dengan jumlah keseluruhan pinjaman berjumlah RM2.9 juta. Usaha ini bukan sahaja berjaya membantu peniaga kecil yang berpotensi untuk terus berkembang, malahan meningkatkan pendapatan masyarakat termiskin dan seterusnya membasi kemiskinan melalui perniagaan ini. Tabung ini atau pinjaman ini Projek Titian Saksama Rakyat terbuka untuk semua rakyat Pulau Pinang tanpa kira kaum, agama, jantina ataupun latar belakang politik. Melihat kejayaan ini Kerajaan Negeri bercadang menambah dana bersama dengan PDC sebanyak RM3 juta dengan suatu lagi tambahan khas RM1 juta hanya untuk ibu tunggal, bagi meneruskan usaha-usaha membantu peniaga kecil mempertingkatkan kualiti dan jaringan perniagaan masing-masing.

Di samping penekanan kepada pembangunan keusahawanan di kalangan individu, Kerajaan Negeri juga menggalakkan budaya keusahawanan di kalangan koperasi. Program pembangunan keusahawanan dan penyediaan modal kepada peniaga-peniaga kecil, telah dijalankan secara berperingkat seperti menaik taraf kompleks-kompleks perniagaan untuk aktiviti perniagaan serta tarikan pelanggan. Kerajaan Negeri amat bangga dengan satu inisiatif MPPP yang telah menyiapkan kerja-kerja menaik taraf Kompleks Gedung dengan kos perbelanjaan sebanyak RM1.55 juta. Sungguhpun Kompleks Gedung adalah bertaraf antarabangsa yang saya harap semua ADUN-ADUN boleh melawat melihat dengan mata sendiri sewaan masih dikekalkan pada tahap lama iaitu RM68.00 sebulan dan ianya akan membantu para peniaga mengembangkan perniagaan dan meningkatkan pendapatan. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri telah menghulurkan kepada MPSP RM10 juta untuk menaik taraf pasar-pasar awam di Seberang Perai.

Mengenai wanita, Pembangunan Wanita, Penubuhan Penang Women's Development Corporation (PWDC) pada November 2011 lalu jelas menunjukkan komitmen dan keutamaan Kerajaan Negeri untuk membangun dan memperkasa kepentingan dan peranan wanita dalam masyarakat. PWDC mula beroperasi pada Januari 2012 dan telah memulakan projek perintis

Gender Responsive Budgeting dengan kerjasama Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai selama tiga tahun yang akan memberi fokus kepada aspek keselamatan dan kebersihan. Sejak 10 bulan beroperasi, PWDC telah menganjurkan pelbagai program pembinaan kapasiti di peringkat akar-umbi melalui bengkel dan latihan kepimpinan wanita dan pengenalan kepada tadbir urus baik. Setakat ini lebih daripada 300 orang peserta di kelima-lima daerah telah menyertai program yang dianjurkan. Di antara program keusahawanan yang akan dilaksanakan ialah Latihan Asas Penjagaan Kanak-Kanak untuk ibu-ibu tunggal, di mana mereka akan dilatih mengenai penjagaan kanak-kanak yang selamat dan berkualiti di rumah sebagai kegiatan yang boleh menjana ekonomi golongan ibu tunggal.

Selaras dengan penekanan dan agenda bagi melengkapkan wanita dengan kemahiran dan pengetahuan serta mewujudkan persekitaran yang menggalakkan bagi menyokong dan memajukan wanita khususnya dalam aspek penjagaan kanak-kanak, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan sejumlah RM2.3 juta dalam tahun 2013, termasuk RM1.5 juta untuk PWDC. Suatu lagi projek khas untuk golongan wanita ialah program Kesihatan Bebas Barah Payu Dara Pulau Pinang untuk memberikan pemeriksaan mammogram secara percuma yang akan dijalankan bersama peruntukan ADUN. Kerajaan Negeri mahu golongan wanita yang sihat, cergas dan bebas daripada barah payu dara dan RM3 juta akan diperuntukkan untuk tujuan ini.

Y.B. Dato' Speaker, cabaran global dan domestik serta peningkatan ekspektasi rakyat menuntut Perkhidmatan Awam melaksanakan perubahan besar terhadap dasar dan strategi pembangunan Negara serta mekanisme pelaksanaan ini untuk mencapai status perkhidmatan awam yang cemerlang dan bertaraf antarabangsa, jentera pentadbiran Kerajaan yang kompeten, berdaya saing, kreatif, inovatif dan berintegriti amat diperlukan. Justeru, saya yakin dan percaya pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa melaksanakan transformasi seja jar dengan tuntutan untuk memastikan penyampaian perkhidmatan lebih responsif, cekap, tepat, telus dan mesra rakyat. Kerajaan Negeri amat menitikberatkan kreativiti dan inovasi bagi menghasilkan perkhidmatan yang lebih berkualiti. Adalah membanggakan beberapa pendekatan yang diambil oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dalam menerapkan inovasi dalam kerja harian, antaranya melalui pensijilan MS ISO 9001:2008, di mana 49 proses utama di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah diiktiraf oleh SIRIM pada 9hb. September 2012. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri juga telah diiktiraf empat (4) bintang dalam Penarafan Bintang Tahun 2011 oleh pihak MAMPU.

Kerajaan Negeri juga telah berjaya mengekalkan sijil tanpa teguran daripada Ketua Audit Negara ke atas Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun 2011 dan sebanyak empat jabatan iaitu Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Jabatan Kewangan Negeri, PDC dan Majlis Agama Islam Pulau Pinang telah mendapat pengiktirafan empat (4) bintang dalam Pengurusan Kewangan berdasarkan indeks akauntabiliti. Tahniah kepada keempat-empat jabatan. Sebagai dorongan dan galakan kepada jabatan dan agensi yang telah mengekalkan prestasi cemerlang ini, Kerajaan Negeri mulai tahun semasa ini akan memberi insentif kewangan sebanyak RM10,000 kepada jabatan atau agensi terlibat. Sebagai rangsangan lagi pada tahun 2013 pemberian insentif kewangan ini akan ditingkatkan kepada RM15,000 untuk jabatan yang mencapai empat (4) bintang dan saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Pegawai Kewangan Negeri dan juga Dato' Penasihat Undang-Undang atas perkhidmatan mereka yang telah berjaya meletakkan Pulau Pinang di puncak yang paling atas, yang saya tanpa segan silu menyatakan mempunyai pentadbiran bersama juga dengan YDP, kedua-dua YDP, MPPP, MPSP semua kelima Pegawai Daerah telah meletakkan pentadbiran Pulau Pinang di atas puncak iaitu mempunyai pentadbiran awam yang paling cemerlang di semua Negeri Malaysia.

Seiring dengan pengiktirafan kepada sumbangan perkhidmatan awam, Kerajaan Negeri menjelang Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang lepas telah pun memberi bonus setengah bulan gaji dengan bayaran minimum RM600.00 kepada seramai 3,780 penjawat awam. Susulan daripada bonus raya Kerajaan Negeri ingin mengumumkan pembayaran bonus setengah bulan gaji dengan minimum RM700.00 akan diberikan dua (2) kali, pada bulan Disember 2012 dan Januari 2013 nanti. Ini bermakna jumlah minimum yang akan diterima oleh penjawat awam untuk bulan Disember dan bulan Januari adalah RM1,400. Ini adalah jumlah minimum yang akan diterima kerana setiap setengah bulan minimum RM700.00, bermakna untuk golongan bawah, kalau gaji mereka kurang mereka akan dapat sedikit tambah lagi iaitu minimum RM1,400.00 yang saya rasa tidak ada tolok bandingannya di mana-mana Negeri di Malaysia. Guru-guru dan penyelia KAFA akan menerima RM400.00, bermakna RM700.00 untuk tahun 2012 berbanding RM600.00 tahun lepas. Sejumlah RM7.466 juta akan dibelanjakan bagi maksud pemberian bonus ini. Pemberian bonus ini turut dipanjangkan kepada kedua-dua PBT dan Badan-badan Berkanun Negeri.

Y.B. Dato' Speaker, pada tahun 2010, Kerajaan Negeri melalui badan pemikir *Socio-Economic and Environmental Research Institute* (SERI) telah menghasilkan pelan induk yang dinamakan *Penang Blueprint*. Pelan tersebut merangkumi strategi-strategi pembangunan untuk tempoh tahun 2011 sehingga 2015. Namun begitu, pada bulan April tahun 2011, Kerajaan Persekutuan telah

mengumumkan rancangan untuk menghasilkan pelan induk yang dipanggil *Greater Penang Transformation Programme* atau *Greater Penang Master Plan*, dengan kerjasama Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) serta Khazanah Nasional. Sebagai komitmen kepada inisiatif Kerajaan Persekutuan, dan dalam semangat kerjasama demi pembangunan Negeri dan rakyat, Kerajaan Negeri telah bersetuju dengan hasrat Kerajaan Persekutuan dan mengambil keputusan untuk mengetepikan *Penang Blueprint* tersebut supaya dapat dibincang bersama-sama dengan semangat setia kawan.

Walau demikian, pada bulan Jun 2011 sungguhpun semua perbincangan telah diadakan malangnya ia tidak berhasil. Biar saya bagi kronologi tentang perbincangan ataupun rumusan yang dibuat, mulai Jun 2011, diikuti oleh Lab yang telah diterajui oleh NCIA iaitu Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara yang telah menjalankan Lab Koridor dan Wilayah dari bulan September hingga November 2011 Kerajaan Negeri telah memberikan kerjasama memberikan input memberikan bantuan dan telah menghasilkan atau membukukan satu pelan induk bagi Negeri Pulau Pinang. Sungguhpun begitu setakat ini tidak ada apa-apa berita atau laporan yang dikemukakan sungguhpun ia telah siap pada bulan Mac 2012. Kelewatan ini amat dikesali dan memberikan gambaran bahawa Kerajaan Negeri tertipu kerana ikhlas bekerjasama dengan Kerajaan Pusat sehingga ketepikan *Penang Blueprint* yang telah pun dihasilkan atau disiapkan sebelum ini.

Apabila saya bertanyakan CEO atau Ketua Pegawai Eksekutif PEMANDU yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Idris Jala, tentang apakah status pelan induk pada bulan September yang lepas, beliau telah memaklumkan bahawa beliau masih menantikan tarikh pelancaran daripada Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri. Kerajaan Negeri berasa sungguh hampa dengan sikap Kerajaan Persekutuan yang tidak menunaikan janji. Kita harap memang janji ditepati, tapi nampaknya semua tinggal kosong saja. So, sungguhpun kita sabar dan berikan masa yang cukup, Kerajaan Negeri tidak akan duduk diam saja. Oleh itu, pada hari ini, saya ingin memaklumkan kepada rakyat Pulau Pinang dan juga akan disampaikan kepada Kerajaan Persekutuan bahawa Kerajaan Negeri hanya akan tunggu sampai akhir tahun ini. Sekiranya tidak, proses pun sudah mula untuk melakukan pengemaskinian terhadap pelan induk yang dihasilkan dahulu. Dan sekiranya tidak ada maklum balas yang dicapai secara bersama dengan Kerajaan Persekutuan di mana saya rasa semua pandangan telah diambil kira dia diadakan dalam suatu iklim atau satu suasana yang ikhlas terbuka dan juga saya rasa begitu berprofesional tapi nampaknya janji tak ditepati. Oleh itu, Kerajaan Negeri sudah membuat keputusan sekiranya tidak ada sebarang maklum balas hingga akhir tahun ini, Kerajaan Negeri akan terpaksa ikut jalan sendiri dan mengeluarkan suatu Penang Paradigm pada bulan Januari 2013 dan kita harap ia tidak berlaku

kerana mahu tak mahu, suka tak suka, Kerajaan Persekutuan kena menerima sebuah hakikat. Hanya dengan kerjasama bersama dengan Kerajaan Negeri barulah semua rancangan boleh berbuah, berhasil dan berbunga. Bagi melaksanakan strategi-strategi dan langkah-langkah yang saya bentangkan tadi, Kerajaan Negeri mencadangkan sebanyak RM970,561,310 diperuntukkan bagi Bajet Mengurus bagi tahun 2013. Ini merupakan peningkatan sebanyak RM370,965,987 atau peningkatan 62% berbanding dengan Bajet Mengurus sebanyak RM599.60 juta pada tahun 2012. Bagi peruntukan Pembangunan pula diperuntukkan sebanyak RM363,385,531. Ini merupakan peningkatan sebanyak RM30,451,881 atau 9% berbanding dengan peruntukan pembangunan sebanyak RM332.93 juta pada tahun 2012.

Sebagai gambaran menyeluruh, bajet pada tahun depan adalah mencecah RM1 bilion kali pertama bajet Pulau Pinang mencecah RM1 bilion berjumlah RM1,133,946,841 yang mencakupi peruntukan mengurus dan pembangunan dicadangkan untuk perbelanjaan dalam tahun 2013. Jumlah besar ini telah pun mengambil kira RM200 juta untuk caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri, bajet keseluruhan yang dicadangkan pada tahun 2013 sebanyak RM1.13 bilion merupakan peningkatan sebanyak RM381,000,000 atau 51% berbanding dengan bajet keseluruhan tahun 2012 sebanyak RM752.53 juta. Selaras dengan itu juga, saya akan merujuk kepada dua (2) risalah yang berkaitan iaitu Risalah Bil. No. 1 Tahun 2012 bagi Bajet Mengurus tahun 2013 dan Risalah Bil. No. 2 Tahun 2012 bagi Bajet Pembangunan tahun 2012 bersekali.

Y.B. Dato' Speaker, bagi tahun 2013, Kerajaan Negeri menganggarkan hasil dikutip adalah berjumlah RM708,523,660 itu peningkatan RM322,635,330 atau peningkatan 84% berbanding anggaran tahun semasa 2012 sebanyak RM385.89 juta. Komposisi hasil tahun 2013 terdiri daripada hasil cukai sebanyak RM134.72 juta atau 19.01%, hasil bukan cukai RM158.0 dan bukan hasil sebanyak RM415.8 juta. Mengambil kira jangkaan hasil 2013, sejumlah RM385.2 juta berbanding dengan perbelanjaan mengurus sebanyak RM970.56 juta akan menjadikan bajet 2013 mengalami defisit sebanyak RM262.04 juta. Defisit RM262.04 juta ini adalah RM48.33 juta lebih besar daripada anggaran defisit tahun ini. Anggaran defisit atau kekurangan RM262.04 juta yang dijangka dalam bajet 2013 dapat dibiayai daripada Simpanan Terkumpul Negeri yang berbaki sebanyak RM710.81 juta pada akhir tahun 2011.

Kerajaan Negeri sememangnya telah membentangkan bajet defisit untuk tahun sebelum ini, tetapi mengambil kira kutipan hasil semasa berjumlah RM528.38 juta setakat 12 Oktober 2012 berbanding anggaran perbelanjaan mengurus bagi tahun 2012 yang berjumlah RM599.60 juta, di samping usaha-usaha berterusan dalam memantapkan lagi kutipan hasil sehingga akhir tahun dan amalan-amalan perbelanjaan berhemat, nilai untuk wang (*value for money*)

dan pengurusan nilai (*value management*) yang diterapkan, Kerajaan Negeri harap rekod bajet lebihan cemerlang akan dapat terus dikekalkan. Sungguhpun kita membenarkan anggaran defisit tapi atas usaha semua pemimpin-pemimpin termasuk ADUN-ADUN dan juga penjawat awam kerana budaya jimat cermat dan berhemah, kita masih dapat mencatatkan lebihan dan ini telah diulangi tiap-tiap tahun berturut-turut selama lima (5) tahun ini.

Selain daripada caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri, peruntukan yang disediakan untuk pembiayaan program-program sosial juga telah bertambah berbanding tahun lalu dan turut menyumbangkan kepada peningkatan defisit. Sejak Mac 2008, Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat telah membelanjakan sebanyak RM176.40 juta untuk program kebajikan baik Program Emas baik untuk sekolah-sekolah dan sebagainya termasuk tentulah guru-guru KAFA dan lain-lain dan juga membuat satu sumbangan yang paling besar dalam sejarah Pulau Pinang sebanyak RM500 juta untuk pelaksanaan Skim Perumahan Mampu Milik yang tidak pernah dibelanjakan oleh Kerajaan lama. Sungguh pun begitu, daripada 2008 hingga sekarang kita masih boleh mencatatkan lebihan bajet. Tak pernah setahun kita ada bajet defisit, so walaupun beban kewangan yang terlibat adalah tinggi dan mengakibatkan kepada kemungkinan pertambahan bajet defisit pada tahun 2013, sebagai sebuah Kerajaan berjiwa rakyat, Kerajaan Negeri bertekad untuk meneruskan dengan program-program sosial tersebut dan seperti yang saya sebut tadi bergantung kepada CAT untuk memastikan kita masih boleh mencatatkan lebihan atau *surplus* bajet.

Perbelanjaan mengurus sebanyak RM970.56 juta terbahagi kepada dua (2) jenis iaitu Tanggungan dan Bekalan. Mengikut Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan, Perbelanjaan Tanggungan adalah perbelanjaan yang dikenakan terus kepada Kumpulan Wang Disatukan seperti vot Pejabat TYT, elaan, ganjaran, pencen anggota pentadbiran Negeri, harap tidak akan berlaku kepada kita semua, bayaran balik pinjaman dan bayaran tuntutan perintah mahkamah. Peruntukan Tanggungan yang dijangkakan dalam tahun 2013 adalah berjumlah RM34,415,860. Manakala bagi perbelanjaan Bekalan pula, adalah perlu mendapat kuasa berkanun melalui Rang Undang-Undang Perbekalan 2012 bagi membolehkan Kerajaan Negeri membuat perbelanjaan sebanyak RM936,145,450 yang diperuntukkan bagi tahun 2013. Terdapat 19 buah jabatan yang memohon kelulusan peruntukan Bekalan di bawah Maksud Bekalan 1 hingga 20 seperti mana perincian di Risalah Bil. 1 tahun 2012.

Di bawah peruntukan Mengurus 2012, sejumlah RM143.76 juta adalah bagi emolumen, RM117.12 juta bagi Perkhidmatan dan Bekalan, RM7.54 juta untuk perolehan Aset serta RM696,02 juta bagi Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap. Manakala sejumlah RM6.13 juta yang disediakan untuk perbelanjaan-perbelanjaan lain. Peningkatan yang ketara bagi Objek Am

Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap adalah berpunca daripada caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri, pemberian dan bantuan-bantuan sosial rakyat yang komited telah saya huraikan sebelum ini. Pertambahan peruntukan bagi Objek-Objek Am selainnya adalah bagi menampung keperluan perbelanjaan mengurus yang kian meningkat pada setiap tahun iaitu antara lain kenaikan gaji dan pelarasan emolumen, kenaikan kos bekalan dan utiliti dan keperluan menggantikan kenderaan dan aset yang telah dilupuskan.

Y.B. Dato' Speaker, Bajet Pembangunan untuk tahun 2012 adalah sebanyak RM363.39 juta yang keseluruhannya adalah daripada punca Negeri. Anggaran Bajet Pembangunan tahun 2012 yang dimohon kelulusan mengikut Maksud Pembangunan P01, P08, P09, P10, P12, P13, P16, P17 dan P18 bagi sembilan buah jabatan Negeri adalah seperti tersenarai dalam Risalah Bil. No. 2 tahun 2012. Peruntukan Pembangunan yang disediakan adalah untuk menampung antara lain keperluan infrastruktur berjumlah RM77.76 juta, pengambilan tanah berjumlah RM58 juta, pertanian dan pembangunan luar bandar berjumlah RM13.02 juta, perumahan berjumlah RM12.46 juta dan RM50,000,000 untuk Program (HAPPY!) (Program Bantuan Perumahan Pulau Pinang) dan juga sektor sosial dan pembangunan masyarakat berjumlah RM152.13 juta.

Y.B. Dato' Speaker, Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat memperkenalkan bajet AES (Agenda Ekonomi Saksama) untuk mengurangkan jurang ketidaksaksamaan di kalangan masyarakat. Malah *The Economist*, majalah *The Economist* juga badan kewangan antarabangsa, IMF pun menganggap ketidaksaksamaan sebagai tidak efisyen dan menjelaskan pertumbuhan ekonomi serta menghindari peluang sama rata dalam pendidikan. Oleh itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengambil pendirian berani untuk memulakan proses mengurangkan ketidaksaksamaan dengan AES (Agenda Ekonomi Saksama) dengan menghapuskan kemiskinan pada tahun 2013 dan bukanlah tahun 2015 seperti yang dirancang dahulu. Inilah perbezaan AES Pakatan Rakyat dengan AES Barisan Nasional atau *Automated Enforcement System*. Suatu AES Pakatan Rakyat yang memartabatkan rakyat dan memperkayakan mereka berbanding dengan AES Barisan Nasional yang menghina rakyat dengan membebankan mereka. AES Pakatan Rakyat membolehkan Pulau Pinang untuk melakarkan nama dalam sejarah sebagai Negeri pertama di Malaysia yang berjaya menghapuskan kemiskinan pada 2013 selepas kejayaan menjadi Negeri pertama yang membasmi kemiskinan tegar pada 2009.

Kesemua ini hanya dapat tercapai kerana kemampuan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat menerusi sistem CAT untuk mencatatkan prestasi kewangan yang cemerlang. Sungguhpun pihak tertentu berasa begitu iri hati sehingga mempersoalkan rekod lebihan bajet yang paling tinggi dalam sejarah Pulau Pinang sebanyak RM138 juta untuk tahun 2011, kenaikan 312% berbanding dengan RM33 juta lebihan bajet yang dicapai pada tahun 2010, atau pun pengurangan hutang sebanyak 95%, pihak tidak bertanggungjawab ini sendiri meludah ke langit kerana mempertikaikan kewibawaan Ketua Audit Negara yang sudah sahkan penyata kewangan Pulau Pinang sebagai benar dan saksama, *true and fair*.

Lebihan bajet ini bukan lebihan bajet dicapai bukan kerana belanja kurang sebaliknya perbelanjaan bertambah lebih 55% berbanding dengan Kerajaan lama. Contohnya perbelanjaan untuk program sosial dan bantuan wang kepada rakyat sebanyak RM176.4 juta tidak pernah dibelanjakan sebelum ini dan juga perbelanjaan untuk pembinaan jalan di bawah JKR sebanyak RM109 juta ataupun pembinaan longkang di bawah JPS sebanyak RM51 juta sejak Mac 2008 yang tidak pernah diberikan sebelum ini. Peruntukan untuk JKR pada 2013 adalah RM41.6 juta dan JPS ada RM16.2 juta.

Y.B. Dato' Speaker, Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat akan membina jambatan Kampung Tanjung Berembang di KADUN Sungai Acheh sebanyak RM50 juta sekiranya memperolehi keyakinan rakyat yang tidak berbelah-bagi dalam kawasan itu. Sekarang kami memohon peruntukan ini RM50 juta daripada Kerajaan Persekutuan yang ada dan harap ia akan disokong oleh semua ADUN-ADUN di sebelah sana termasuk tentulah ADUN Sg. Acheh.

Y.B. Dato' Speaker, Agenda Ekonomi Saksama bukan hanya sekadar mengurangkan ketidaksamaan, tetapi bertujuan untuk mencapai empat (4) syarat sepertimana yang dikenal pasti oleh pakar ekonomi terkemuka dan Penasihat Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Professor Jeffrey Sachs semasa syarahan anjuran Penang Institute di Pulau Pinang baru-baru ini, iaitu kesejahteraan ekonomi, kedua, kesaksamaan sosial, ketiga pembangunan mampan dan mesra alam, serta urus tadbir bersih dan cekap. Memang Kerajaan Negeri memenuhi keempat-empat syarat ini. Hakikat ini dicerminkan dengan pertumbuhan ekonomi yang pesat dengan pelaburan tertinggi di Malaysia berturut-turut pada 2010 dan 2011. Pembangunan mampan dan mesra alam dicerminkan dengan kempen tanpa beg plastik dan kitar semula tinggi serta projek hijau tanpa kilang nadir bumi Lynas dan tanpa loji reaktor nuklear. Dalam Agenda Ekonomi Saksama AES, Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat bertekad memerangi ketidaksamaan tanpa menjaskankan pertumbuhan ekonomi dengan tiga (3) langkah teras iaitu bersaing (*compete*), insentif yang disasarkan (*targeted incentives*) dan mengurangkan (*reduce*).

Pertama menggalakkan persaingan dengan menghancurkan monopolii dan kronisme supaya yang rajin diberikan ganjaran dan yang berkebolehan dinaikkan.

Kedua, sasaran dan insentif diberikan kepada golongan yang miskin, muda dan wanita. Kita boleh lihat betapa besar perubahan apabila wanita pertama kali dilantik di Pulau Pinang sebagai Yang Di-Pertua Pihak Berkuasa Tempatan atau Pegawai Daerah. Program-program untuk membasmi kemiskinan sebanyak RM20 juta, membantu wanita sebanyak RM5.3 juta dan belia sebanyak RM5 juta untuk membina gelanggang futsal adalah titik permulaan sebelum ini.

Ketiga, mengurangkan amalan rasuah dan karenah birokrasi agar potensi setiap insan dapat dioptimakan melalui amalan prinsip CAT. Kerajaan Negeri telah menjadi perintis atau pelopor kepada pelbagai proses dan sistem seperti pelaksanaan tender terbuka, pengisytiharan harta secara terbuka oleh Ketua Menteri dan Ahli-ahli EXCO, melarang ahli keluarga daripada berurus niaga dengan Kerajaan Negeri, kehidupan mewah ditegah, pendedahan kontrak Kerajaan dengan sektor swasta, dan kelulusan Enakmen Kebebasan Maklumat. Urus tadbir bersih dan baik dengan prinsip CAT telah menjadikan Pulau Pinang lebih bersih, hijau, lebih sihat dan lebih selamat. Agenda Ekonomi Saksama (AES) Pakatan Rakyat kini memperlihatkan Pulau Pinang yang tanpa kemiskinan, tanpa pengangguran dan kelak tanpa hutang kerana tanpa rasuah. Marilah kita memastikan Pakatan Rakyat terus kekal sebagai Kerajaan berjiwa rakyat yang memartabatkan rakyat.

Akhirnya saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan saya dan Kerajaan saya kepada semua rakyat atas sokongan dan sumbangan yang diberikan kepada Kerajaan Negeri, kepada semua anggota perkhidmatan awam dan anggota-anggota keselamatan yang telah berkhidmat dengan gigih dan penuh bertanggungjawab untuk menjamin kestabilan, keamanan, kemajuan dan kemakmuran Negeri yang berterusan. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada semua Y.B. ADUN yang sama-sama berkhidmat untuk menjamin kesejahteraan dan kemakmuran Negeri Pulau Pinang tentulah lebih sikit kepada ADUN Kerajaan Negeri Pulau Pinang, tapi tidak kurang juga kepada ADUN Pembangkang. Saya percaya dan yakin dengan sokongan padu dan penyertaan semua pihak, Negeri kita akan terus maju dan berjaya. Saya tutup ucapan saya dengan serangkap pantun.

AES Pakatan Rakyat dasar berharga
Adil ditegak, rakyat dijaga
Pakatan Rakyat harapan bersinar
Amar maaruf, nahi mungkar

Sekian, YB Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Y.B. Dato' Speaker, saya mohon menyokong sepenuhnya.

Setiausaha:

Usul Anggaran Pembangunan Tahun 2013 daripada Y.A.B. Ketua Menteri.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Y.B. Dato' Speaker saya mohon mencadangkan bahawa Dewan ini meluluskan perbelanjaan sebanyak RM363,385,531.00 yang tertera dalam Anggaran Pembangunan Tahun 2013 yang dibentangkan sebagai Risalah Dewan Undangan Negeri Bilangan 2 Tahun 2012 dan menetapkan bahawa jumlah yang tersebut hendaklah digunakan bagi tujuan yang telah ditetapkan dalam Anggaran Pembangunan Tahun 2013.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Y.B. Dato' Speaker, saya mohon menyokong sepenuhnya.

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan Tahun 2013 dan Usul Anggaran Pembangunan Tahun 2013 akan dimulakan pada 5 November 2012 jam 9.30 pagi, Dewan ditangguhkan. Sebelum itu kita sediakan makan tengah hari dan harap jangan balik.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

YB Dato' Speaker, walaupun Dewan ditangguhkan saya minta jawapan dibagilah, satu helai saja, Y.B. Dato' Speaker, adui susah betullah Ketua Menteri ini. Baru sehelai saja, para pemberita tololn rekodlah, inilah kejayaan CAT, langsung tak cekap, satu saja bagi. Kita hantar 30 soalan, satu saja dia bagi, inilah sikap Ketua Menteri yang ada. AES Agenda Ekonomi Sendiri Ketua Menteri punya.

Dewan ditangguhkan pada jam 12.30 tengah hari.